

BAB 5

KONSEP “KOMUNIKASI BERSEPADU”

DALAM KONTEKS KEBUDAYAAN SOKA GAKKAI

5.1 Konsep “Komunikasi Bersepadu” dalam Konteks Aktiviti Kebudayaan

Perkataan “budaya” dalam Bahasa Melayu terdiri daripada dua perkataan, iaitu “budi” dan “daya”. “Budi” bermaksud sesuatu yang baik dan cantik. “Daya” pula bermaksud aktiviti atau usaha. “Budaya” yang merupakan ringkasan perkataan itu bermaksud sesuatu yang mesra, cantik, dan baik. Dengan kata lain, melalui kebudayaan manusia dapat mengatasi segala jarak, menyentuh hati, dan bermesra bersama.

Pada asasnya, budaya merupakan sesuatu yang bersifat sejagat. Budaya juga disifatkan sebagai “nafas yang menyegarkan aktiviti manusia”. Keghairahan manusia untuk hidup bahagia melahirkan rasa simpati terhadap semua insan ini akan menimbulkan kesan harmoni yang hebat. Kebudayaan menjadi asas daya usaha manusia yang dapat mengeratkan jurang perhubungan dan mengharukan perasaan manusia tidak kira di mana-mana sahaja.

Sifat asas kebudayaan iaitu kemuafakatan dan keharmonian bertentangan sama sekali dengan unsur kekerasan, terutamanya kekerasan yang bersenjata. Sementara kuasa kekerasan ketenteraan mengancam dan mengenakan kawalan dari luar, kebudayaan melahir dari sanubari manusia sebagai wadah pembebasan. Berdasarkan andaian logik, negara yang lebih kuat dari segi ketenteraan dan ekonomi akan menakluki negara yang lebih kecil dan lemah. Pertukaran fikiran tentang

kebudayaan sebaliknya mengambil kira pandangan orang lain secara positif, dengan syarat pihak penerima mengekalkan kuasa autonominya. Maka, secara perbandingan perlengkapan kuasa tentera membawa kepada kemusnahan, sedangkan unsur kebudayaan menyumbang kepada pembinaan. Oleh itu, kebudayaan melambangkan daya usaha manusia yang berkekalan berlandaskan rangka kerja harmoni, autonomi, dan kreatif. Ringkasnya, perkembangan kebudayaan merupakan satu-satunya cara yang menyumbang ke arah pembebasan dan ketahanan terhadap kuasa tentera dan politik kediktatoran.

Menyedari akan kepentingan kebudayaan dalam menyatukan hati sesama manusia, SGM telah melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti komunikasi yang bercorak kebudayaan. SGM berharap kemuafakatan dan keharmonian akan tercapai apabila hubungan sesama manusia dapat dipereratkan.

5.2 Penglibatan Ahli SGM Dalam Aktiviti Kebudayaan Anjuran Kerajaan

Penglibatan ahli SGM dalam pelbagai aktiviti anjuran kerajaan menunjukkan komitmen SGM dalam usaha memupuk persefahaman di kalangan anggota masyarakat yang berbilang kaum. Antara aktiviti-aktiviti yang disertai cawangan SGM di seluruh negara adalah seperti yang tersenarai dalam Jadual 3 dan 4 seperti yang berikut :

Jadual 3
Aktiviti Persembahan Kebudayaan Tahun 1999 Anjuran Kerajaan

Tarikh	Peristiwa	Tempat	Penganjur	Penerangan
7.3.1999	Karnival Sukan Pos Malaysia Berhad Ke-9	Stadium Hoki, USM Pulau Pinang	Pos Malaysia	150 ahli SGM Pulau Pinang mempersembahkan gimnastik
14.4.1999	Sambutan Ulang Tahun ke-10 Hari Bandar Raya Bersejarah Melaka	Melaka	SGM Melaka	Ahli SGM Melaka mempersembahkan tarian Cina
15.5.1999	Perhimpunan Hari Belia Negara	Stadium Putra Bukit Jalil, K.L.	Kementerian Belia dan Sukan Malaysia dan Majlis Belia Malaysia	Ahli belia SGM K.L. turut serta dalam perbarisan.
18.1999	Penang Festival of Arts YTL	Dewan Sri Pinang, Pulau Pinang	Kerajaan Pulau Pinang	Ahli SGM mempersembahkan gimnastik
4.9.1999	Karnival Sukan Untuk Semua (KESUMA) Kedua	Stadium Putra, Bukit Jalil, K.L.	Kementerian Belia dan Sukan	100 orang ahli mempersembahkan gimnastik.
16.10.1999	Perarakaran Citrawarna Malaysia sempena pertabalan DYMM Seri Padu Baginda Yang Di-Pertuan Agong Ke-11	Dataran Merdeka, K.L.	Kerajaan Malaysia	Ahli SGM Selangor mempersembahkan tarian
24.10.1999	Sambutan Ulang Tahun 25 Barisan Nasional	Bukit Jalil, K.L.	UMNO	2200 orang ahli SGM mempersembahkan grafik manusia
26.10.1999	Majlis Pelancaran Pelan Tindakan Gejala Sosial (Pintas) Negara	Padang Awam Hulu Langat, Selangor	Kerajaan Malaysia	SGM mempamerkan gambar dan buku untuk memperkenalkan aktiviti keamanan, kebudayaan dan pendidikan SGM.
31.10.1999	Majlis Pelancaran Logo, Maskot Tema, Lagu dan Imej Korporat SUKMA VIII 2000 Pulau Pinang	Padang Kota Lama, Pulau Pinang	Kementerian Belia dan Sukan	Ahli SGM Pulau Pinang dijemput mengadakan persembahan.
6.11.1999	Acara "Berjalan untuk Negara"	Meliputi 293 lokasi dan 116 daerah di seluruh negara	Kerajaan Malaysia	Sebagai kempen sokongan rakyat untuk Sukan Asia Ke-XV; 150 ahli SGM K.L. dan 100 ahli SGM Sabah mengambil bahagian.
31.12.1999	Pelbagai Pertunjukan	Southern College, Johor Bahru	Persekutuan Tiong Hua, Johor.	Ahli SGM mempersembahkan tarian.

Jadual 4
Aktiviti Persembahan Kebudayaan Tahun 2000

Tarikh	Peristiwa	Tempat	Penganjur	Penerangan
22 2000	Pengisytiharan Kota Kinabalu sebagai Bandar Raya	Padang Merdeka, Sabah	Kerajaan Negeri Sabah	150 ahli gimnastik SGM Sabah memberikan persembahan
22 2000	Pesta Ang Pow Ke-VI	UKM, Bangi	UKM dan Persatuan Mahasiswa Fakulti Sains Kesihatan Bersekutu	Ahli SGM Selangor mempersembahkan tarian.
21 5 2000	Larian JKR	Stadium Kajang, Selangor	Kelab Sukan Jabatan Kerja Raya (JKR) Hulu Langat, Kajang	Ahli SGM mempersembahkan gimnastik.
27 5 2000	Perarakan Citrawarna Malaysia	Dataran Merdeka, K.L.	Kerajaan Malaysia	Citrawarna Malaysia 2000 ialah sambutan Pesta Kebudayaan selama satu bulan di seluruh negara. Ahli belia SGM Kedah, Melaka dan K.L. turut serta untuk mengadakan persembahan.
27 5 2000	SUKMA VIII	Stadium Negeri Pulau Pinang	Kerajaan Negeri Pulau Pinang	600 orang belia SGM Pulau Pinang mempersembahkan Gimrama dan Grafik Cahaya.
5 8 2000	Malam Kemesraan Tatangga dan Kebudayaan	Pusat Kebudayaan SGM, Cheras	SGM, K.L	Temanya adalah "Membina Masyarakat yang Mesra dan Muhibah"; 1050 orang ahli SGM mengambil bahagian dalam acara-acara kebudayaan. Derma sebanyak RM33,000 dikutip dan diagihkan kepada 13 buah pertubuhan amal dan sekolah.
31 8 2000	Sambutan Hari Kebangsaan Ke-43	Kedah, K.L. Negeri Sembilan, Pahang (Kuantan, Rompin, Bentong, Jerantut) Perak, P.Pinang, Sabah (Kota Kinabalu, Tawau, Sandakan) Selangor	Kerajaan Malaysia	Ahli SGM turut serta dalam perarakan persembahan tarian, gimnastik, larian merdeka, gimnastik grafik cahaya, kalistenik di beberapa negeri dan daerah.
10 9 2000	Pesta Kebudayaan orang orang Cina,	Kolej Selatan Johor Bahru	Persatuan Orang Cina Johor &	Mempersembahkan tarian Melayu "Harmoni" dan

	Malaysia		Pertubuhan Orang Cina yang lain	Kalistenik.
16.9.2000	Sambutan Hari Jadi Ke-60 Yang Di Pertua Sabah	Padang Merdeka, Kota Kinabalu	Kerajaan Negeri Sabah	150 orang ahli belia SGM mempersembahkan gimrama. 40 orang ahli mengambil bahagian dalam perarakan.
10.10.2000	Pengisytiharaan Shah Alam Sebagai Bandar Raya	Dataran Shah Alam, Selangor	Kerajaan Negeri Selangor	Ahli Belia Wanita SGM mempersembahkan tarian Cina
25.10.2000	Pesta Kebudayaan Kelantan	Dewan Perniagaan Orang Cina Kelantan	Kerajaan Kelantan	Ahli Belia SGM Kelantan mempersembahkan tarian tradisi dan Dikir Barat.
28.10.2000	Hari Kanak-Kanak Sedunia Ke-47	Stadium SUKPA, Pahang	Kerajaan Malaysia	Ahli kumpulan Kanak-Kanak SGM Pahang diundang untuk mengadakan tarian Cina dan Sketsa "Muhibah" bersama-sama dengan wakil dari kumpulan Tunas Budaya, The Leela Suria Dance Academy dan Kumpulan Orang Asli.
29.10.2000	Persembahan untuk Gerakan Belia Bersatu Malaysia (GBBM)	Bangunan Persatuan Hokkien, Kelang	GBBM cawangan Desa Utama	SGM Selangor mempersembahkan gimnastik dan tarian moden.

Sumber : Jadual 3 dan 4 berdasarkan penerangan maklumat tentang penglibatan SGM dalam aktiviti-aktiviti anjuran kerajaan

Dalam penyertaan aktiviti-aktiviti kebudayaan SGM secara berkumpulan, komunikasi *interpersonal* telah berlaku yang mana ahli-ahlinya berinteraksi sesama mereka, demi untuk menjalin kekuatan psikologi di kalangan mereka. Menerusi aktiviti berkumpulan seperti kumpulan gimnastik, kumpulan gimrama, kumpulan tarian dan sebagainya, semangat kemasyarakatan dan kasih sayang persaudaraan dapat dipupuk. Komunikasi secara ini membantu ahli-ahli SGM mengawal perasaan diri di samping mengubah sikap pentingkan diri kepada menjaga kepentingan bersama dan kebahagiaan hidup masyarakat. Ini selaras dengan konsep "Revolusi Manusia" yang dikemukakan oleh Daisau Ikeda, di mana perubahan tingkah laku diri seseorang ahli membawa kepada perubahan sosial dalam sesebuah organisasi. SGM berharap

perubahan tersebut sedikit sebanyak boleh memelihara keharmonian di kalangan masyarakat yang berbilang kaum di Malaysia.

Sejak kejayaan ahli SGM dalam persembahan grafik manusia dan gimnastik seramai 4400 orang dalam Upacara Pembukaan Sukan SEA Ke-15 yang telah diadakan pada tahun 1989, SGM telah dijemput menyumbang dalam acara persembahan grafik manusia sempena pelbagai upacara perasmian kerajaan. Dalam pembukaan rasmi Sukan Komanwel yang ke-16 pada tahun 1998, SGM sekali lagi diamanatkan oleh kerajaan Malaysia demi mempersembahkan paparan grafik manusia yang melibatkan seramai 5000 orang ahli SGM dan sebanyak 287 jenis bentuk grafiknya (Gambar 5.1). Pertunjukan yang berlanjut selama beberapa jam ini memerlukan disiplin dan dedikasi yang tinggi di kalangan para peserta. Kejayaan persembahan ini menerima pujian daripada segenap lapisan masyarakat di dalam dan luar negara.

Pengorbanan ahli SGM demi menjayakan pertunjukan di peringkat antarabangsa ini telah menerima pujian dan penghormatan orang ramai. Perdana Menteri Malaysia YAB Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad turut memberi penghargaan kepada persembahan SGM tersebut. Beliau berkata :¹

... It is easy to build stadiums and other facilities, but it would not have been easy to organise this meet without the efforts of the volunteers. We are very proud of you. You displayed the true spirit of "Malaysia Boleh..."

Kesungguhan dan semangat perpaduan yang ditunjukkan oleh ahli-ahli SGM yang terbabit dalam persembahan grafik manusia ini telah memaparkan sifat

kesungguhan dan keupayaan SGM dalam menangani segala cabaran hidup. Di sini komunikasi bersepada yang ditekankan oleh SGM, berjaya menembusi perasaan individu SGM sehingga mempengaruhi dan mengubah sikap dan tingkah laku ahlinya yang lain supaya mengorbankan masa dan tenaga mereka demi menjayakan sukan Komanwel tersebut. Sebagai penghargaan, Institut Perhubungan Raya Malaysia (IPRM) telah menganugerahkan Anugerah Kristal (kategori program sukerela) kepada SGM.

SGM juga melibatkan diri dalam pelbagai acara dan aktiviti kerajaan pada peringkat negeri. Antaranya termasuk persembahan gimnastik, gimrama dan persembahan tarian sempena penganjuran SUKMA Kelapan, Hari Belia Negara, Citrawarna Malaysia, dan sambutan Hari Kebangsaan yang diadakan di seluruh Malaysia (Gambar 5.2).

Corak komunikasi dua hala seperti di antara ahli-ahli, antara organisasi-organisasi, dan di antara kaum-kaum yang berlainan keturunan yang digalakkan oleh SGM adalah begitu luas lingkungannya. Komunikasi SGM bersifat berterusan pula membantu mencapai keharmonian hidup sesama manusia. Dengan menekankan penyebaran falsafah dan ajaran Buddhisme menerusi pelbagai aktiviti, wujudlah komunikasi bersepada di antara ahli dan organisasi umum. Komunikasi bersepada SGM pula akan mencapai fungsinya apabila terdapat persefahaman dan toleransi di antara pihak-pihak yang terlibat, sekalipun wujud perbezaan individu dari segi budaya, nilai, adat resam, sikap, dan pendidikan.

5.3 Penglibatan Aktiviti Kebudayaan Dalaman SGM

Di samping penglibatan yang aktif dalam aktiviti anjuran kerajaan, ahli SGM juga melancarkan pelbagai aktiviti kebudayaan dalaman. Antaranya ialah Pesta Muzik Bahagian Junior, Malam Permuafakatan dan Kebudayaan, Pesta Kebudayaan Bahagian Wanita, Pesta Kebudayaan Bahagian Belia, dan Malam Kebudayaan Kemesraan Tetangga. Aktiviti-aktiviti kebudayaan yang dianjurkan oleh SGM juga merangkumi Pameran Seni Dr Cheng Haw-Chien (Gambar 5.3) dan Pameran Seni Lukis Kanak-Kanak Sedunia (Gambar 5.4) dan sebagainya. Kesemua aktiviti itu disambut baik oleh pelbagai lapisan masyarakat.

Menerusi kegiatan kebudayaan SGM yang tersebut di atas, SGM telah menunjukkan komitmennya dalam usaha pembentukan nilai murni kemasyarakatan. Di samping itu, SGM juga telah membantu memupuk sifat penyayang dan perasaan muhibah seperti yang dihasratkan oleh pemimpin negara. Usaha demikian cukup bermakna dan memperlihatkan kerukunan hidup bersama. Kegiatan-kegiatan kebudayaan SGM yang pelbagai itu memang memanifestasikan hasrat Makiguchi untuk merealisasikan “Penciptaan nilai kecantikan, nilai kebaikan, dan nilai keuntungan”. Mesej komunikasi SGM yang disalurkan melalui pelbagai aktiviti kebudayaan memperlihatkan kesan jalinan sosial berlandaskan “pembentukan pemahaman” yang berjaya menawan hati orang awam.

5.4 Kebudayaan (*Wenhua*) Yang Menyatukan Hati Manusia

SGM merupakan sebuah organisasi yang mempraktikkan sifat masyarakat penyayang dan prihatin terhadap kemesraan keadaan sekeliling. Selain aktiviti

dalam pertumbuhan, penekanan juga diberi kepada aktiviti-aktiviti persembahan kebudayaan.

Budaya bersifat sejagat dan merupakan nafas yang memeriahkan kegiatan dan mengharmonikan kehidupan manusia. Berbeza dengan kuasa ketenteraan yang mengancam manusia dan yang cuba mengenakan kawalan dari luar, budaya lahir dari minda manusia sebagai daya pembebasan dan kekreatifan. Oleh yang demikian, persembahan kebudayaan merupakan salah satu daripada aktiviti komunikasi yang amat penting dalam kegiatan SGM.

Potensi ahli yang serba boleh dapat dicungkil, dan daya kreatif dan imaginasi mereka diperkembangkan menerusi penyertaan aktiviti-aktiviti persembahan budaya. Sehubung dengan itu, kesepaduan ahli SGM dicapai tanpa mencabuli keutuhan ahli secara individu. Ahli SGM sanggup meluangkan masa dan tenaga demi untuk menyertai aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh SGM, di samping mempertingkatkan prestasi dalam kerjaya mereka.

Ringkasnya, aktiviti kebudayaan yang berdasarkan rangka kerja keharmonian, kebebasan dan kekreatifan itu membantu membina sahsiah individu di samping menyumbang kepada kewujudan suasana masyarakat yang harmoni. Menginsafi hakikat ini, SGM berusaha menjalankan hubungan erat sesama manusia menerusi pelbagai aktiviti persembahan kebudayaan.

Nota Kaki

1. Rujuk *Cosmic*, keluaran Oktober, 1998, hlm 31.

Gambar 5.1
Penglibatan SGM dalam Upacara Perasmian Sukan Komanwel Ke-16




Seramai 5000 orang ahli SGM mempersembahkan grafik manusia dalam upacara perasmian sukan Komanwel ke-16 pada 11.9.1998.



Keharmonian dalam masyarakat majmuk Malaysia dijadikan tema persembahan kebudayaan dalam upacara perasmian tersebut.

Sumber : Rujuk *Cosmic*, keluaran Oktober, 1998.

Sambungan
Gambar 5.1



Pelbagai formasi grafik manusia telah dipersembahkan oleh ahli SGM

Sumber : *Human Graphics : Creating Excellence Through Unity*, terbitan Soka Gakkai, Malaysia, Disember, 1998.

Sambungan
Gambar 5.2
Sambutan Hari Kebangasan ke-43



Ahli-ahli skuad gimnastik SGM (Kajang)



Ahli-ahli skuad gimnastik SGM (P. Pinang)



Kumpulan Faif dan Dram SGM (Alor Setar)


Sumber : Rujuk *Cosmic*, keluaran Oktober, 1997.

Gambar 5.2
Penglibatan SGM dalam Aktiviti Kerajaan


Perarakan Citrawarna Malaysia



SUKMA Kelapan




Persembahan gimrama belia SGM Pulau Pinang.



Persembahan yang memperlihatkan semangat gigih.

Sumber : Rujuk *Cosmic*, keluaran Mac dan Julai, 2000.


Sambungan
Gambar 5.2



Ahli-ahli gimnastik SGM (Ipoh).



Ahli-ahli kumpulan tarian kanak Kanak SGM (Kuantan).



Ahli-ahli belia SGM (Sandakan).



Ahli-ahli belia wanita (Jerantut).



Persembahan gimnastik SGM (Seremban).

Sumber : Rujuk *Cosmic*, keluaran Oktober, 1997.


Gambar 5.3
Pameran Seni Lukis Dr Cheng Haw-Chien
“ Mengabadikan Warna-Warna Peralihan Araf ” yang Dianjurkan oleh SGM



Pameran seni yang diadakan selama lima hari ini berjaya menarik kira-kira 3000 orang pengunjung.

Sumber : *Cosmic*, keluaran Februari, 2000.

Gambar 5.4
Pameran Seni Lukis Kanak-Kanak Sedunia SGM



Perasmian pameran oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Ong Ka Ting (22.9.2000)
Pameran yang diadakan selama 10 hari ini berjaya menarik perhatian 34,000 orang pengunjung.

Karya pameran seni lukis kanak-kanak Sedunia.

Sumber : Rujuk *Cosmic*, keluaran November, 2000.